

# BULETIN CKBA1

EDISI 1/2018



Alhamdulillah syukur kehadrat Ilahi kerana atas rahmat dan izin-Nya maka Buletin Edisi Pertama Tahun 2018 dapat diterbitkan. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada ahli sidang redaksi di atas usaha serta kesungguhan yang jitu dalam merealisasikan Buletin ini. Semoga perkara yang dipaparkan dapat memberikan manfaat dan pengetahuan yang berguna kepada pembaca sekalian.

Cawangan Kerja Bangunan Am 1 menguruskan projek-projek dari pelbagai Kementerian dan Agensi yang terdiri di dalam dan luar negara. Sudah tentunya penglibatan dan kerjasama semua pihak adalah penting dalam memastikan setiap projek-projek dapat diuruskan dengan baik menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan di dalam menjamin kepuasan pelanggan khususnya.

Melalui tadbir urus yang baik, pengukuhan integriti di kalangan penjawat awam adalah penting memandangkan penjawat awam perlu bertindak secara amanah kepada kuasa dan tugas, telus, tulus, tiada kontflik peribadi, mempunyai akauntabiliti dan patuh kepada undang-undang dan peraturan yang telah dikuatkuasakan.

Adalah diharapkan agar Warga CKBA 1 dapat menerapkan budaya bekerja dalam satu kumpulan melalui konsep bekerjasama dan menjalankan tugas secara berganding bahu bagi mencapai matlamat yang dirancang disamping dapat mendorong kepada peningkatan prestasi kerja yang cemerlang.

Saya berharap dengan terhasilnya Buletin ini akan memberi satu impak kepada usaha murni dalam segala aspek kehidupan di dunia dan di akhirat. Semoga penerbitan Buletin ini menjadi wadah ilmu dan titian penghubung kepada semua pihak khususnya warga CKBA 1.

# CORETAN PENGARAH KANAN



## BINGKISAN KETUA EDITOR

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya dapat kita menerbitkan Buletin CKBA 1 Bil.1 bagi tahun 2018.

Saya bagi pihak sidang redaksi ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan dari pelbagai pihak bagi menjayakan penerbitan naskah ini. Semoga dengan kerjasama, sokongan dan komitmen yang berterusan dari setiap ahli sidang redaksi, Buletin CKBA 1 akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat dalam usaha penerbitan ini.

## FUNGSI CKBA1

- Bertindak sebagai pejabat Ketua Pasukan Projek (HOPT) bagi merancang, mengurus pelaksanaan projek pembangunan bersama-sama Ketua Pasukan Rekabentuk (HODT) dan pelanggan.
- Memantau dan mengawal prestasi pelaksanaan projek dari segi aspek fizikal dan kewangan.
- Memberi nasihat teknikal dan profesional serta menyelaras pelantikan perunding.
- Bertindak sebagai pejabat Pengurus Program yang memantau projek-projek persekutuan yang dilaksanakan oleh negeri di mana JKR Negeri bertindak sebagai HOPT.



## ISI KANDUNGAN

SENARAI KEMENTERIAN DAN AGENSI DI CKBA1

3

AKTIVITI TAHUNAN CKBA1

4

PENCAPAIAN TERTINGGI CKBA1

5-8

JAB. AUDIT NEGARA TERENGGANU

9

TAMAN SINAR HARAPAN

10

RUMAH KEKAL BAHARU

11

PADANG BOLA SEPAK TIRUAN

12

MAHKAMAH BAHARU KOTA BHARU

13

SIDANG REDAKSI

14

# SENARAI KEMENTERIAN DAN AGENSI DI CKBA1

## 1 JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Jabatan Audit Negara (JAN)
- Jabatan Parlimen Malaysia
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
- Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR)
- Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN)
- Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH)
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- Jabatan Peguam Negara
- Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)
- Jabatan Perangkaan Malaysia
- Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU)
- Bahagian Keselamatan Negara (BKN)
- Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)
- Bahagian Pentadbiran Am (Dataran Pahlawan)
- Biro Tatanegara (BTN)
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
- Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan

## 2. KEMENTERIAN LUAR NEGARI (KLN)

## 3. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA , KELUARGA & MASYARAKAT (KPWKM)

## 4. KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

## 5. KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)

- Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDRM)
- Jabatan Akauntan Negara (JANM)
- Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

## 6. KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)

- Jabatan Penyiaran Malaysia
- Jabatan Penerangan Malaysia
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
- Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)

## 7. KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI MALAYSIA (MITI)



**PERKONGSIAN ILMU BIL.1/2018**  
Tarikh : 07 Februari 2018



## MAJLIS PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS PENGARAH KANAN CKBA1

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama (Bilik Berlian).  
Tarikh : 06 Disember 2017



**KURSUS SKALA BIL 1/2018**  
Tarikh : 26-28 Februari 2018





## PROJEK MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF BANGUNAN PARLIMEN FASA 2B

**B**angunan Parlimen Malaysia yang ikonik ini tidak sepi daripada kerja-kerja pengubahsuaian dan naiktaraf sejak disiapkan pada tahun 1963. Beberapa siri pengubahsuaian telah dilaksanakan sebelum ini, namun kebanyakannya pada skala yang sederhana dan tidak menyeluruh.

Setelah kerja ubahsuai terakhir pada tahun 2005, Bangunan Warisan yang telah berusia lebih 50 tahun ini masih diselubungi isu-isu kebocoran dan kerosakan lain. Kerja-kerja baikpulih telah dijalankan secara berfasa dan Fasa 2B ini adalah antara yang telah dirancang untuk memastikan bangunan warisan ini kekal relevan untuk 50 tahun akan datang.

**P**rojek ini dilaksanakan secara konvensional dalaman dengan kos hampir RM191juta. Kontraktor utama, Trans Resources Corporation Sdn Bhd telah dilantik melalui perolehan secara Tender Terbuka Pra-Kelayakan secara Pakej. Pembinaan telah dimulakan pada 1 Ogos 2014 dan telah disiapkan secara berperingkat pada 28/2/2017 dan 31 Mac 2017. Keseluruhan skop projek telah disiapkan pada 31 Julai 2017 selepas 3 lanjutan masa diberikan.


**P**enyerahan projek ini telah diadakan pada 20 Disember 2017, oleh TKPKR (Sektor Bangunan) YBrs. Ir. Kamaluddin bin Hj. Abd Rashid kepada YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia.

Projek ini adalah unik kerana ia melibatkan kerja-kerja konservasi dan pemuliharaan sebuah bangunan lama, sebelum kemasan dan sistem peralatan M&E baru dapat disediakan bagi memenuhi keperluan terkini institusi Parlimen.

Antara skop projek dalam Fasa 2B ini adalah:

- a) Membina blok sementara bagi menempatkan pelbagai bahagian di Parlimen semasa blok utama diubahsuai;
- b) Menaiktaraf Dataran Parlimen bagi menyediakan fasiliti yang kondusif semasa upacara perasmian atau sambutan tetamu negara;
- c) Kerja-kerja pengukuhan struktur bagi memastikan integriti struktur sediaada terjamin;
- d) Kerja-kerja senibina dan hiasan dalaman untuk memenuhi keperluan statutori dan kehendak ruang terkini serta menggambarkan imej serta status Parlimen terkini;
- e) Kerja-kerja konservasi bagi mengembalikan ciri-ciri asal rekabentuk beberapa komponen pada tahun 1963;
- f) Kerja-kerja naiktaraf peralatan M&E menggunakan teknologi terkini agar sejajar dengan kehendak teknikal masa hadapan





## PROJEK MENAIKTARAF SEKOLAH DAIF DAN PENYELENGGARAAN SISTEM SOLAR HYBRID

### SARAWAK

Penyerahan Surat Setuju Terima kepada kontraktor-kontraktor yang dilantik telah berlangsung dengan jayanya pada 23 Februari 2018 di tapak projek.

Projek Fasa 1 di Negeri Sarawak menelan belanja sebanyak **RM130,621,000.00**. Pelaksanaan projek ini melibatkan 51 sekolah, 13 pakej, 13 kontraktor dengan skop projek yang mengandungi 294 Bilik Darjah, 12 Asrama, 7 Bilik Sains, 28 unit Tandas dan 6 Dewan Makan.

Majlis Penyerahan dan Upacara pecah tanah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Bin Haji Yusof .

### SABAH

Penyerahan Surat Setuju Terima kepada kontraktor-kontraktor yang dilantik diadakan pada 21 Februari 2018 di SK Limputung, Papar, Sabah.

Majlis disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya

Kos keseluruhan projek Fasa 1 di Negeri Sabah adalah sebanyak **RM164,000,000.00**. Projek ini melibatkan 34 sekolah yang mengandungi 11 pakej dan 11 kontraktor.

Tempoh penyiapan projek ini dijangkakan dalam masa 4 bulan menggunakan **TEKNOLOGI IBS** secara sepenuhnya.

Manakala, bagi Projek Penyeleenggaraan Sistem Solar Hibrid Bagi Sekolah-sekolah Luar Bandar Negeri Sabah pula, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah **memperuntukkan kos sebanyak RM 24 juta untuk perlaksanaan kerja-kerja penyeleenggaraan sistem solar hibrid di 138 buah sekolah-sekolah di Sabah** dan tempoh pelaksanaan adalah dua tahun.

## 3 IN 1 PROJEK JABATAN AUDIT NEGARA TERENGGANU

**Pelanggan :** Jabatan Audit Negara.  
Projek Bangunan Pejabat Wisma Audit,  
Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu  
telah mula dilaksanakan semenjak  
perancangan pada bulan September 2013.

**Objektif :** Membangunkan sebuah pejabat dan  
pusat latihan zon timur yang menampilkan  
identiti tersendiri Jabatan Audit Negara,  
**MODEN, SISTEMATIK** dan **SELESA** bagi  
menampung **KEPERLUAN PERJAWATAN**  
**BERJUMLAH 99 ORANG** termasuk pertambahan  
jawatan dalam tempoh 5 tahun akan datang

### Konsep rekabentuk :

- i. Elemen **ISLAMIC CLASSICAL** yang berterapkan  
rekabentuk tempatan
- ii. **IBS**
- iii. Efektif, selamat & mesra pengguna
- iv. Mesra pengguna OKU
- v. Memaksimakan pengudaraan &  
**PENCAHAYAAN SEMULAJADI** dalam  
bangunan.



## PROJEK TAMAN SINAR HARAPAN JUBLI JOHOR

**Pelanggan**  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

### Jabatan Pelanggan:

Jabatan Kebajikan Masyarakat / Jabatan  
Pembangunan Wanita, Pusat Aktiviti Warga  
Emas (PAWE), Taska Komuniti (TASKOM),  
Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK),  
dan lain-lain bawah agensi KPWKM

### Skop Projek

Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk membina  
bangunan baru :

- i- kuarters kelas E, G dan H.
- ii- surau
- iii- rumah perantara (Group Home)  
/ kelas 4 - blok asrama
- iv- bengkel / kelas latihan
- v- rumah sampah
- vi- stor simpanan
- vii- kemudahan-kemudahan lain.  
- naiktaraf blok pentadbiran,  
dewan serbaguna, dewan makan,  
blok dobi dan klinik.

### Objektif

Bagi keselesaan kakitangan JKM,  
pelatih dan sekaligus sebagai  
mempertingkatkan kualiti hidup  
warga tua dan OKU.

## PROJEK RUMAH KEKAL BAHARU, KUALA KRAI, KELANTAN

Projek ini merupakan projek pembinaan tiga puluh **(50) UNIT RUMAH KEKAL BAHARU (RKB) MANGSA BANJIR** di tapak RKB Berkelompok di Kg. Ulu Keneteh, Mukim Manjor, Jajahan Kuala Krai, Negeri Kelantan (Reka & Bina).

Ia juga merupakan **BANTUAN IKHLAS DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN** bagi membantu **MANGSA-MANGSA BANJIR DI NEGERI KELANTAN** untuk memulakan kehidupan baru selepas rumah sediada mereka rosak teruk dan musnah disebabkan oleh kejadian musibah banjir besar pada Disember tahun 2014. Pelanggan projek ini adalah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Majlis Penyerahan Projek RKB telah diadakan pada 2 April 2018 di tapak projek



## PROJEK PEMBINAAN PADANG BOLA SEPAK TIRUAN (ARTIFICIAL TURF)

Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Padang Bola Sepak Tiruan (Artificial Turf) telah disempurnakan pada 25 Mac 2018 di Kompleks Sukan Padang Perdana, Kota Bharu, Kelantan. Projek ini dapat disiapkan secara 3 dalam 1 iaitu penyerahan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), Lukisan Siap Bina (As-Built Drawing) dan Sijil Perakuan Muktamad (Statement of Final Account).

JKR Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ini secara rundingan terus. Kontraktor yang membina padang ini adalah RS Greenmaster Sdn. Bhd. melibatkan kos sebanyak RM4,134,000.00 dan keluasan padang 7,848 meter persegi. Padang bola Sepak tiruan di Kota Bharu telah dimulakan pada 10 Januari 2017 dan tarikh siap asal pada 8 Januari 2018. Projek telah diberi lanjutan masa sehingga 2 Mac 2018 dan Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 22 Mac 2018.

Padang bola sepak tiruan di Kota Bharu telah dibina dengan menepati kualiti yang diiktiraf oleh organisasi bola sepak dunia, FIFA dengan mendapat Persijilan FIFA Kualiti Pro.

## PROJEK MAHKAMAH BAHARU, KOTA BHARU, KELANTAN

Pembangunan projek ini adalah untuk menggantikan bangunan Kompleks Mahkamah Kota Bharu sediada yang mempunyai 2 Mahkamah Tinggi, 3 Mahkamah Sesyen dan 3 Mahkamah Majistret.

Projek Mahkamah Kota Bharu, Kelantan (Reka & Bina) yang dijadualkan siap pada 1 April 2020 akan mempunyai 3 Mahkamah Tinggi, 5 Mahkamah Sesyen dan 5 Mahkamah Majistret.

### Skop Projek melibatkan:

1. Bangunan Mahkamah mengandungi :
  - i. Bilik Bicara 13 (3 Tinggi, 5 Majistret, 5 Sesyen)
  - ii. Kamar Hakim 13 (3 Tinggi, 5 Majistret, 5 Sesyen)
  - iii. Pendaftaran & Pentadbiran
  - iv. Pengurusan Polis/OKT
  - v. Awam & komersil
2. Kerja-kerja Luar Berkaitan



## SIDANG REDAKSI

### Penaung

Ir. Muhammad Azman Bin Jamrus  
Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am 1

### Ketua Editor

Hjh. Nik Norihan Binti Nik Hassan

### Editor

Abdul Jawat Bin Mansor  
Suliman Bin Hj. Esnawi  
Narima Hanim Binti Zainal Abidin  
Abu Hanifah Bin Misdar@Ishak  
Ameerul Asyraf Bin Amran  
Hafni Bin Hambali  
Siti Khairunnisa Binti Alias  
Siti Mahfuzah Binti Ma Hussin  
Zaila Binti Johari  
Muhammad Nicholas Ukasyah Abdullah  
Khairul Rizma Bin Abu Bakar  
Rohaini Binti Mohd Sharip  
Nor Suriani Binti Samsudin  
Suhana Binti Md Nazri  
Nurul Asyikin Binti Romli  
Faiz Nur Hilmi Bin Masor  
Fatimah Binti Mohammed Osman  
Mohd Firdaus Bin Md. Nazri



Cawangan Kerja Bangunan Am 1,  
Tingkat 13A, Ibu Pejabat JKR,  
No.50 Menara PJD,  
50400, Kuala Lumpur  
03-2618 7002 (Pengarah Kanan)

